

21 NOV 2003

Mahathir-Calon

CALON KUBANG PASU HARUS ADA KRITERIA TERBAIK - DR MAHATHIR

JITRA, 21 Nov (Bernama) -- Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata calon menggantikan beliau di kawasan Parlimen Kubang Pasu perlu mempunyai beberapa kriteria baik.

Katanya, kriteria berkenaan adalah bekerja keras bagi membantu dan memajukan penduduk, rapat dengan rakyat, bukan pengamal rasuah dan mampu bekerja dengan ikhlas.

Sambil menyatakan bahawa beliau akan terus memberi khidmat kepada penduduk Kubang Pasu walaupun selepas tidak lagi menjadi wakil rakyat mereka, Dr Mahathir berkata kriteria itu adalah penting bagi memastikan pentadbiran yang cekap dan telus.

"Itu adalah syarat-syarat yang saya fikir perlu ada kepada calon yang mahu bertanding di Kubang Pasu ini," katanya kepada pemberita selepas majlis menyampaikan sumbangan wang dan kuih hari raya kepada 60 pesakit di Hospital Jitra di sini.

Beliau ditemani isterinya Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Ditanya mengenai kemungkinan berlaku perebutan bagi menjadi calon kerusi itu, Dr Mahathir yang juga ketua Umno Bahagian Kubang Pasu, berkata perebutan bagi menjadi calon adalah perkara biasa apabila sesuatu kerusi dikosongkan.

"Tetapi saya minta bila pucuk kepimpinan sudah menentukan calon kerusi berkenaan semua pihak harus menyokong calon itu. Nasihat saya janganlah perebutan itu sampai mereka merajuk dan marah hingga tidak mahu menyokong calon yang dipilih berkenaan," katanya.

Beliau berkata perebutan untuk menjadi calon itu boleh menimbulkan suasana tidak baik kepada parti dan ia sepatutnya dielakkan daripada berlaku.

Dalam lawatan itu, Dr Mahathir sempat memberikan nama kepada dua orang bayi di wad bersalin hospital itu.

Dr Mahathir memberikan nama Norhafizah kepada anak Norsidah Saad, 31.

Bapa bayi berusia dua hari itu, Abdul Malim Ibrahim, 32, dari Titi Gajah berkata beliau akan menamakan anak keempat itu dengan nama yang diberikan Dr Mahathir itu.

Seorang lagi bayi perempuan, anak pertama kepada pasangan Siti Hajar Darus, 19, dan Mohd Zaidi Hamzah, 26, dari Bukit Pinang, diberi nama Siti Khadijah oleh Dr Mahathir sempena nama isteri Nabi Muhammad.

Dr Mahathir kemudian menghadiri majlis berbuka puasa di Masjid Bandar Darulaman di sini.

-- BERNAMA

MZM AIN LYN MOZ